



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 15 JANUARI 2021

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini bilangan kes sembuh COVID-19 adalah sebanyak **1,939 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah sebanyak **115,227 kes** (76.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Pada hari ini, 15 Januari 2021, negara kita melaporkan kes harian sebanyak 3,211 kes. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia sebanyak **151,066 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 35,253 kes**. Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat lima (5) kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara, manakala penularan COVID-19 dalam negara pula adalah sebanyak 3,206 kes. Bagi kes penularan di dalam negara, 2,045 kes adalah warganegara Malaysia manakala 1,161 kes adalah bukan warganegara.

Selangor masih melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **889 kes (27.7 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **658 kes (74.0 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Johor sebanyak **535 kes (16.7 peratus)** dan Sabah sebanyak **514 kes (16.0 peratus)**.

Sebanyak **12 kes (0.4 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di lokap, depot tahanan imigresen, dan penjara yang membabitkan Kluster Tembok Kemus (6 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (2 kes), Kluster Matambai (2 kes), Kluster Telok Mas (1 kes), dan Kluster Penjara Jalan Harapan (1 kes).

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

Sehingga kini, terdapat **204 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **87 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan **lapan (8) kes** kematian COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **586 kes (0.39 peratus daripada jumlah keseluruhan kes)**.

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (tahun)	Hospital/ Tempat Kematian	Latar Belakang
579	78827	Sabah	Lelaki (WN)	66	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	-
580	105193	Sabah	Lelaki (WN)	78	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, psoriasis, dan dislipidemia
581	126597	Selangor	Lelaki (WN)	79	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan jantung
582	126621	Selangor	Lelaki (WN)	50	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan <i>Meningioma</i>
583	137805	Kedah	Lelaki (WN)	62	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
584	145000	Selangor	Lelaki (WN)	66	Hospital Sungai Buloh	Penyakit obstruktif paru-paru kronik (COAD)
585	145537	Selangor	Perempuan (WN)	76	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik
586	146620	Johor	Perempuan (BWN)	72	Hospital Enche' Besar Hajjah	Penyakit kencing manis, darah tinggi,

					Khalsom, Kluang	dislipidemia, dan kebutaan
--	--	--	--	--	--------------------	-------------------------------

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Sehingga 15 Januari 2021, terdapat sebanyak **635 kluster** telah dilaporkan termasuk **12 kluster baharu** pada hari ini. Jumlah kluster yang telah tamat pula adalah sebanyak **351 kluster**, termasuk empat (4) kluster yang tamat pada hari ini iaitu Kluster Bah Medan, Kluster Jalan Dalam, Kluster Nibong, dan Kluster Dermaga. Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak **284 kluster**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **85 kluster** melaporkan pertambahan kes pada hari ini. Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah **Kluster Bukit Pasir (171 kes)**, **Kluster Tapak Bina Damai (130 kes)**, dan **Kluster Beringin (112 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **12 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER JALAN TELOK GONG

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Klang di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 14 Januari 2021 hasil saringan bersasar di sebuah kilang. Nama kluster merujuk kepada lokasi kilang dan asrama pekerja di mana kes-kes dalam kluster ini dilaporkan berlaku iaitu di Jalan Telok Gong, Kampung Telok Gong, Pelabuhan Klang. Sehingga 15 Januari 2021, sejumlah 191 individu telah disaring, di mana **108 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER LINGKARAN LINTANG

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Klang di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 3 Januari 2021 hasil saringan bersasar di sebuah kilang. Nama kluster merujuk kepada gabungan nama lokasi kilang dan asrama pekerja di mana kes-kes dalam kluster ini dilaporkan berlaku iaitu di Lingkaran Sultan Hishamuddin dan Lintang Sultan Mohamad 1B, Pelabuhan Klang. Sehingga 15 Januari 2021, sejumlah 205 individu telah disaring, di mana **25 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER PERSIARAN SELATAN

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 15 Januari 2021 hasil saringan bersasar di sebuah tapak

binaan yang terletak di Persiaran Southkey. Sehingga 15 Januari 2021, sejumlah 209 individu telah disaring, di mana **61 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER JALAN KLUANG

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Batu Pahat di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-137341) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 11 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Berikutan kes indeks yang dilaporkan tersebut, saringan telah dijalankan ke atas kontak rapat di tempat kerja kes indeks dan seramai 17 lagi individu dikesan positif COVID-19. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kilang tersebut yang terletak di Jalan Kluang. Sehingga 15 Januari 2021, sejumlah 42 individu telah disaring, di mana **18 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER KAMPUNG PERANI

Kluster ini melibatkan daerah Kota Tinggi di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-110214) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 30 Disember 2020 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti di mana kes-kes dalam kluster ini dilaporkan berlaku iaitu di sebuah masjid yang terletak di Bandar Sri Perani, Kota Tinggi. Sehingga 15 Januari 2021, sejumlah 81 individu telah disaring, di mana **18 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. KLUSTER LADANG BATURONG

Kluster ini melibatkan daerah Kunak di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-131469) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 9 Januari 2021 hasil saringan di tempat kerja. Kluster ini berpunca dari sebuah majlis keraian tertutup dan seterusnya telah merebak kepada pekerja-pekerja yang tinggal di Perumahan Pekerja, Ladang IOI Baturong 3, Kunak. Sehingga 15 Januari 2021, sejumlah 1,625 individu telah disaring, di mana **54 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

7. KLUSTER LADANG MATAMBA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Lahad Datu di Sabah. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 6 Januari 2021 hasil saringan bersasar di sebuah ladang. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kes-kes yang dikesan positif iaitu di Ladang Matamba, Lahad Datu. Sehingga 15 Januari 2021, sejumlah 89 individu telah disaring, di mana **20 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

8. KLUSTER TAPAK BINA DAMAI

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Cheras di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 15 Januari 2021 hasil saringan bersasar di sebuah tapak binaan. Nama kluster merujuk kepada

lokaliti kes-kes yang dikesan positif berlaku iaitu di Alam Damai, Cheras. Sehingga 15 Januari 2021, sejumlah 161 individu telah disaring, di mana **130 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

9. KLUSTER PONDOK HIDAYAH

Kluster ini melibatkan daerah Machang di Kelantan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-138166) merupakan kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI) dan telah dilaporkan positif COVID-19 pada 11 Januari 2021. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti kes-kes dalam kluster ini berlaku iaitu di Pondok Hidayah yang terletak di Batu 31, Machang, Kelantan. Sehingga 15 Januari 2021, sejumlah 100 individu telah disaring, di mana **15 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

10. KLUSTER KOTA ROAD

Kluster ini melibatkan daerah Kinta dan Larut, Matang dan Selama di Perak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-133240) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 9 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti tempat kerja kes indeks iaitu di sebuah bank di Jalan Kota, Taiping, Perak. Sehingga 15 Januari 2021, sejumlah 54 individu telah disaring, di mana **18 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

11. KLUSTER TEMBOK KEMUS

Kluster pusat tahanan ini melibatkan daerah Alor Gajah di Melaka. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 14 Januari 2021 hasil saringan tahanan di Penjara Satelit A'Famosa yang terletak di Jalan Kemus Lama, Alor Gajah. Sehingga 15 Januari 2021, sejumlah 151 individu telah disaring, di mana **22 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

12. KLUSTER RESTORAN PUTRA

Kluster tempat kerja ini melibatkan sebuah restoran yang terletak di Presint 9, Wilayah Persekutuan Putrajaya. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-120817) merupakan kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI) dan telah dilaporkan positif COVID-19 pada 4 Januari 2021. Sehingga 15 Januari 2021, sejumlah 29 individu telah disaring, di mana **19 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

PEMERKASAAN APLIKASI MYSEJAHTERA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa, mulai 15 Januari 2021, pengguna MySejahtera yang telah didaftarkan sebagai kes positif COVID-19 di Pusat Kesiapsagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) KKM akan diberi notifikasi menerusi SMS dan "*Push Notification*" melalui MySejahtera. Pengguna tersebut akan mendapat nasihat dan pelan susulan penilaian sendiri. Aplikasi MySejahtera juga akan memberi peringatan kepada para

pengguna setiap hari untuk melakukan penilaian pemantauan gejala COVID-19 di bahagian “**Perlu dilakukan**” bagi tempoh 10 hari berturut-turut. Sekiranya pengguna bergejala, maklumat tersebut akan terus disalurkan ke COVID-19 *Assessment Centre* (CAC) dan pengguna akan dihubungi oleh petugas kesihatan untuk penilaian lanjut.

Bagi memperkasakan pengguna yang positif untuk melaporkan sendiri kepada KKM, pengguna juga boleh membuat **pelaporan sendiri** sekiranya mereka **telah disahkan positif** dan sedang menunggu panggilan dari KKM. Mereka boleh ke **MySejahtera HelpDesk** di halaman utama aplikasi MySejahtera dan ikuti arahan di **ruang G**. Orang ramai dinasihati untuk mengemaskini aplikasi MySejahtera dan menggunakan sepenuhnya semua fungsi dalam aplikasi tersebut.

Adalah diharapkan dengan pengemaskinian aplikasi MySejahtera ini, pengurusan semua kes positif COVID-19 dapat berjalan dengan lebih lancar dan memenuhi keperluan semua pengguna. Ini adalah selaras dengan hasrat KKM untuk memutuskan rantai jangkitan COVID-19 dalam kalangan komuniti dengan lebih berkesan.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

15 Januari 2021 @ 6.00 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 15 JANUARI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	889 (1)	44,053
SABAH	514	42,802
WP KUALA LUMPUR	401 (4)	17,446
JOHOR	535	12,291
NEGERI SEMBILAN	70	9,539
PULAU PINANG	194	5,907
PERAK	74	4,206
KEDAH	142	3,978
PAHANG	70	2,077
SARAWAK	60	1,980
WP LABUAN	9	1,864
MELAKA	58	1,856
KELANTAN	79	1,728
TERENGGANU	92	753
WP PUTRAJAYA	24	515
PERLIS	0	71
JUMLAH KESELURUHAN	3,211 (5)	151,066

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Perincian 3,211 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 15 Januari 2021 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 889 kes**

- 299 kes daripada kluster-kluster, termasuk 127 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Telok Gong** dan **Kluster Lintaran Lintang**;
- 359 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes import dari luar negara; dan
- 230 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 535 kes**

- 345 kes daripada kluster-kluster, termasuk 80 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Persiaran Selatan**, **Kluster Jalan Kluang**, dan **Kluster Kampung Perani**;
- 118 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 72 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 514 kes**

- 62 kes daripada kluster-kluster, termasuk 48 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Ladang Baturong** dan **Kluster Ladang Matamba**;

- 319 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 133 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 401 kes**
 - 156 kes daripada kluster-kluster, termasuk 130 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Damai**;
 - 125 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Empat (4) kes import dari luar negara; dan
 - 116 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang: 194 kes**
 - 114 kes daripada daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 39 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 41 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kedah: 142 kes**
 - 32 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 47 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 63 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Terengganu: 92 kes**
 - 70 kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- 17 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kelantan: 79 kes**
 - 25 kes daripada kluster-kluster, termasuk lapan (8) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Pondok Hidayah**;
 - 35 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 19 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak: 74 kes**
 - Enam (6) kes daripada kluster-kluster, termasuk dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Kota Road**;
 - 39 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 29 kes lain-lain saringan COVID-19.
- **Negeri Sembilan: 70 kes**
 - 20 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 34 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 16 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pahang: 70 kes**
 - Lima (5) kes daripada kluster sedia ada;
 - 39 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 26 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 60 kes**
 - 50 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - 10 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 58 kes**
 - 14 kes daripada kluster-kluster, termasuk enam (6) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tembok Kemus**;
 - 22 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 22 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: 24 kes**
 - Tujuh (7) kes daripada kluster-kluster, termasuk empat (4) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Restoran Putra**;
 - Sembilan (9) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Lapan (8) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: Sembilan (9) kes**
 - Dua (2) kes daripada kluster sedia ada;
 - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.